

# UMS-KAL ziarah ibu tunggal dan warga emas di tujuh kampung

NST 17.08.2012 4

LABUAN : Staf Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah mengadakan program Ziarah Ramadan ke tujuh buah kampung untuk menyerahkan sumbangan kepada warga emas dan ibu tunggal, pada Sabtu.

Pengerusi penganjur, Puan Norhanizah Adnan berkata tujuh kampung itu ialah Kampung Sungai Miri, Sungai Lada, Sg Labu, Kampung Belukut, Bebuloh, Sungai Buton dan Sungai Bedaun.

Katanya, rombongan Ziarah Ramadan itu diketuai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), UMS, Datuk Md Kassim Mansor, Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali dan Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah.

Beliau yang juga Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal pelajar (HEP) berkata seramai 18 warga emas dan ibu tunggal menerima sumbangan daripada pegawai, pensyarah dan kakitangan universiti itu.



SERAH ... Dr Kassim (tujuh kanan) menyampaikan bantuan kepada ibu tunggal di Kampung Sungai Lada diperhatikan Dr Ismail (lima kanan) dan Ketua Kampung, Haji Alias Mohammad (lima kanan) sempena program Ziarah Ramadan UMS-KAL 2012.

Norhanizah berharap sumbangan yang turut dikelolakan oleh Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita UMS-KAL (KE-SUMBA) itu akan meringankan beban penerima bantuan

sempena Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

Selain itu, katanya, program itu bertujuan untuk merapatkan hubungan antara UMS-KAL dengan penduduk

setempat sekaligus mahu penduduk Labuan menyedari kewujudan universiti itu sebagai sebuah gedung ilmu.

"Staf UMS-KAL turut prihatin dengan nasib golongan

asnaf untuk menyambut Ramadan dan Aidilfitri," katanya.

Sementara itu, Prof Madya Dr Ismail berkata kewujudan UMS-KAL turut mem-

bantu kecemerlangan pendidikan, menjana ekonomi, menambah jumlah penduduk Labuan dan industri pelancongan tempatan.

Beliau berharap staf dan pelajar UMS-KAL akan terus menjalinkan hubungan yang baik dengan penduduk setempat termasuk mengadakan pelbagai aktiviti sukan, riadah, sosial dan kemasyarakatan.

Pada masa sama, Dr Ismail yakin penduduk tempatan akan menggunakan kepakaran pensyarah, kakitangan dan pelajar universiti itu untuk membantu meningkatkan prestasi pendidikan pelajar sekolah rendah dan menengah serta golongan belia.

"Kita akan gunakan kepakaran yang ada dalam kalangan pensyarah, kakitangan dan pelajar UMS-KAL membantu meningkatkan prestasi pendidikan pelajar dan belia di Wilayah Persekutuan Labuan," katanya. - **OLEH JAINUDIN Djimin** - [jainudin@newsabtimes.com.my](mailto:jainudin@newsabtimes.com.my)